

Headline **Dasar kerajaan kurangkan jangkitan HIV penagih masih re...**
Date **03. Feb 2009** Language **MALAY**
Media Title **Sinar Harian** Page No **N10**
Section **Nasional** Article Size **160** cm2
Circulation **60000** Frequency **Daily**
Readership **0** Color **Black/White**
AdValue **642.00**



Dasar kerajaan kurangkan jangkitan HIV penagih masih relevan

SHAH ALAM – Langkah Kementerian Kesihatan memberi kondom dan jarum suntikan percuma sejak 2005 perlu distruktur semula supaya matlamat mengurangkan kadar jangkitan HIV tercapai.

Usaha yang bermula kira-kira empat tahun lalu itu perlu diikuti dengan penguatkuasaan dan pemantauan agar tidak berlaku salah guna alatan berkenaan.

Terdahulu, Persatuan Pengasih Malaysia (PPM) menyeru kerajaan untuk mengkaji balik dasar kondom dan jarum suntikan percuma yang diberikan kepada penagih sekarang ini

berikutan lebih banyak kesan negatif berbanding kesan positif selain mengangap usaha itu satu pembaziran.

Naib Presiden Majlis Kebajikan Pembangunan Masyarakat Malaysia, Mohammed A Jalal berkata, dasar yang dimulakan Menteri Kesihatan ketika itu, Datuk Dr Chua Soi Lek masih boleh diteruskan demi kesejahteraan masyarakat.

Beliau berkata, dasar berkenaan masih ada relevannya, bagaimanapun ia masih ada kelemahan dan kerajaan perlu menstrukturkan semula supaya matlamat sebenar tercapai.

"Usaha mengurangkan kadar

jangkitan pesakit HIV dengan pemberian kondom dan jarum suntikan adalah usaha murni kerajaan membantu penagih daripada menghidap penyakit itu selepas melakukan perkongsian jarum.

"Namun, sekiranya usaha ini disalah gunakan oleh masyarakat khususnya penagih, ia menjadi gagal dan membazir," katanya kepada Sinar Harian ketika dihubungi, semalam.

Mohammed berkata, berlaku penyelewengan terhadap barang berkenaan selepas diberikan secara percuma khususnya penerima dari kalangan golongan remaja.

Menurutnya, terdapat sesetengah remaja menyalahgunakan kondom dan jarum suntikan percuma yang diberikan untuk melakukan seks bebas dan menagih dadah sehingga meningkatkan masalah gejala sosial di negara ini.

"Ini menjadi salah satu faktor masyarakat menentang keras usaha murni ini dan melihat dasar ini ke arah negatif," katanya.

Schubungan itu, beliau berkata, usaha kerajaan melalui dasar ini perlu disertai dengan penguatkuasaan supaya penyelewengan ini tidak berlaku sekali gus matlamat dasar tercapai.

Sementara itu, pengelola rumah

perlindungan Sinar Salam, Arfidah Abd Latif berkata, pemberian kondom dan jarum suntikan secara percuma ini perlu disertai pemantauan oleh kakitangan kesihatan.

Menurutnya, pemantauan yang dimaksudkan adalah penerangan secara mendalam mengenai penggunaan yang betul, pengawasan berterusan dan kaedah pembelajaran alatan berkenaan.

"Penagih memerlukan perhatian, galakan dan dorongan yang berterusan. Sekiranya kita tidak lihat perkembangan mereka dan hanya memberi, peratusan salah guna alatan dan kembali menagih adalah besar," katanya.